



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

TIADA LARANGAN BAGI KENDERAAN MEMBAWA BARANGAN SEPANJANG MUSIM PERAYAAN AIDILFITRI

Pada setiap tahun, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mengenakan perintah larangan kepada kenderaan barangan daripada berada di atas jalan raya untuk beberapa hari yang ditetapkan semasa tempoh perayaan Hari Raya Aidilfitri. Larangan sebelum ini bertujuan meningkatkan keselamatan jalan raya di kalangan pengguna yang ingin pulang ke kampung serta untuk memastikan kesesakan jalan raya dapat dikurangkan dengan meminimumkan keberadaan kenderaan-kenderaan barangan di atas jalan raya.

Memandangkan larangan rentas negeri dan daerah seluruh negara telah pun dikenakan mulai 12 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021, maka MOT tidak akan melaksanakan perintah larangan tersebut kepada kenderaan barangan ketika musim perayaan Hari Raya Aidilfitri kali ini.

Pengguna jalan raya diingatkan supaya mendapatkan maklumat sahih dan terkini daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) menerusi pautan <https://www.mkn.gov.my/> atau saluran Telegram rasmi MKN di <https://t.me/MKNRasmi> serta mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi mencegah penularan pandemik COVID-19.

Dikesempatan ini, MOT ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh rakyat Malaysia dan mengingatkan semua untuk sentiasa mengutamakan keselamatan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
11 MEI 2021

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my
unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

